

TARIKH: 2/6/23
SURAT KHABAR: Utusan Malaysia
MUKA SURAT: 4

4

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 2 JUN 2023

Dalam Negeri

Akta Kerja memadai lindungi pekerja, pelajar praktikal

GEORGE TOWN: Akta Kerja 1955 adalah memadai untuk melindungi hak pekerja termasuk pelajar-pelajar latihan industri.

Bagaimanapun, Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, pihaknya bersedia meneliti saranan pihak tertentu yang mahu Kementerian melihat semula akta tersebut bagi memastikan hak pelajar yang menjalani latihan industri terbela.

"Akta sedia ada (Akta Kerja 1955) mencukupi, namun kita akan teliti semula saranan yang dibuat oleh pihak tertentu yang mahu kita melihat Akta Kerja sedia ada," katanya selepas menghadiri National Human Capital Conference & Exhibition (NHCCE) 2023 - Wilayah Utara, di sini semalam.

NHCCE 2023 yang berlangsung selama dua hari bermula semalam dianjurkan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dengan fokus utama menumpukan kepada cabaran dan peluang yang dihadapi oleh pemain industri di wilayah Utara.

Media sebelum ini melaporkan banyak syarikat ternama membuat kerahan kerja pekerja terhadap pelajar praktikal tanpa dibayar elaun.

Susulan itu, pelbagai pihak termasuk Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), menggesa supaya cadangan mewujudkan akta khas berkaitan elaun pelajar latihan industri disegerakan bagi mengelakkan eksploitasi tenaga kerja.

Yang Dipertuanya, Shamsul Aiman Mua'mar Shamsul Bahrain berkata, isu itu sudah terlalu lama dibiarkan dan sudah tiba masa ia segera dibentangkan ke Kabinet.